

14 APR 1999

Anwar-Rusuhan

IBU KOTA TENANG SELEPAS PENYOKONG ANWAR MERUSUH

KUALA LUMPUR, 14 April (Bernama) -- Ibu negara kembali tenang petang ini setelah rusuhan berlaku di beberapa tempat tengah hari tadi apabila penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim bertempur dengan polis setelah bekas timbalan perdana menteri itu didapati bersalah dan dikenakan hukuman penjara enam tahun.

Rusuhan oleh kira-kira 2,500 orang penyokong reformasi yang bermula di Jalan Medan Pasar pada pukul 1.25 tengah hari merebak ke Jalan Tun Perak, Lebu Ampang, Jalan Masjid India, Lebu Pasar, Lebu Pudu serta berhampiran Kompleks Kota Raya dan Menara Maybank.

Kumpulan itu mula mengganas dengan melontar batu bata serta bom api ke arah anggota polis serta memecahkan beberapa papan tanda dan cermin kenderaan termasuk kereta polis, TV3, Bernama dan kereta orang awam yang diletakkan di sekitar kawasan itu.

Kekacauan di ibu kota hari ini turut menyebabkan beberapa anggota polis dan penyokong reformasi cedera.

Dua anggota polis, termasuk seorang konstabel wanita, cedera akibat terkena serpihan kaca yang dipecahkan oleh perusuh yang cuba merampas potret Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pondok polis Jalan Masjid India.

Konst (W) Verina Olin, 23, berasal dari Sabah dan L/Kpl Mustafa Azam, berumur 30-an, cedera di tangan dan muka. Verina kini dirawat di Hospital Kuala Lumpur.

Kedua-dua anggota polis itu sedang berkawal di pondok polis itu apabila kumpulan kira-kira 200 perusuh mengepung dan meminta mereka menyerahkan potret Perdana Menteri yang tergantung di situ.

Kumpulan perusuh tersebut sebelum itu melarikan diri daripada tindakan penyuraian polis di Jalan Tun Perak dan menyelamatkan diri melalui Jalan Masjid India.

Kumpulan perusuh itu turut membakar tong-tong sampah di sepanjang jalan terbabit dan mencabut papan tanda yang diletakkan di Jalan Masjid India.

Polis terpaksa melepaskan gas pemedih mata dan pancutan air untuk menyuraikan perusuh itu.

Keadaan terkawal sepenuhnya kira-kira pukul 6.30 petang ini setelah 18 orang termasuk naib presiden parti Keadilan yang juga Presiden Gagasan Demokrasi Rakyat Tian Chua dan bekas tahanan ISA, Abdul Malek Hussain, diberkas.

Mereka yang ditahan berusia dalam lingkungan 21 hingga 45 tahun.

Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Kamarudin Md Ali yang mengesahkan penahanan itu berkata polis terpaksa mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka bagi mengelak tindakan yang boleh menjejaskan keselamatan.

Para penyokong Anwar yang mendakwa mewakili beberapa kumpulan parti pembangkang termasuk PAS, DAP, PRM dan Keadilan dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan mula berkumpul di perkarangan Masjid Jamek pada pukul 8 pagi dan mereka mula berarak ke perkarangan mahkamah tidak jauh dari situ, sejam selepas itu.

Kumpulan itu berpecah apabila Polis Simpanan Persekutuan (FRU) menyembur air ke arah mereka. Mereka kemudian bergerak ke Jalan Lebu Pasar sebelum ke Masjid Negara dan berarak kembali ke Jalan Tun Perak.

Beberapa anggota kumpulan itu termasuk Tian Chua, Malek dan bekas aktivis pelajar Hishamuddin Rais berucap pada perhimpunan di perkarangan Masjid Jamek dan Masjid Negara.

"Kumpulan itu mula bertindak liar dengan melontar batu dan memecahkan cermin di mahkamah serta beberapa kenderaan," kata Kamarudin kepada pemberita petang ini.

Katanya keadaan kini terkawal dan tidak ada lagi kejadian perhimpunan atau kekacauan dilaporkan selepas pukul 6.30 petang ini.

Kamarudin juga meminta orang ramai supaya tidak mendengar khabar angin mengenai kekacauan di ibu negara.

Beliau berkata daripada pemerhatian polis, sebahagian besar anggota kumpulan terbabit terdiri daripada pelajar institusi pengajian tinggi.

"Kepada penyokong bekas TPM saya meminta mereka bertenang dengan keputusan mahkamah dan jika ada apa-apa hendaklah dilaksanakan melalui saluran undang-undang," kata beliau.

-- BERNAMA

TM MAI